

UPM tingkat penguasaan bahasa Inggeris



BERBAKAT...mahasiswa mempersembahkan nyanyian berkumpulan dalam bahasa Inggeris di majlis pelancaran program 'English Zone'. — Gambar NOOR AZAM ABD AZIZ

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, memperkenalkan kaedah 'English Zone' dalam usaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mahasiswanya di kawasan kampus.

Majlis pelancarannya diadakan di Kolej Tun Dr Ismail (KTDI), Serdang, Selangor, bertujuan mewujudkan suasana kondusif penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Program julung kali diadakan itu kerjasama antara MPP UPM, Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa dan KTDI.

Timbalan Naib Canselor (HEP) UPM, Prof Datuk Dr Abdullah Al-Hadi Muhamed dalam ucapannya berharap usaha berkenaan boleh dijadikan landasan kepada mahasiswa UPM mahir dengan bahasa itu.

Menurutnya, pada masa kini penguasaan bahasa Inggeris menjadi aset utama untuk mendapat pekerjaan baik berikutan persaingan semakin sengit dengan graduan institusi pengajian tinggi lain.

Ruang 'English Zone' diwujudkan

itu berfungsi memastikan semua individu memasuki zon berkenaan berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka menggunakan Bahasa Inggeris.

"English Zone dilengkapi dengan artikel mudah mengenai penggunaan bahasa Inggeris supaya dapat meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan dan memberikan keyakinan mempelajarinya dengan mudah," katanya.

Dr Abdullah berkata, majlis pe-

lancaran itu adalah fasa pertama dan fasa kedua membabitkan beberapa fakulti seperti Fakulti Pengajian Pendidikan, Bahasa Moden dan Komunikasi dan Kompleks Sukan.

Pada majlis pelancaran berkenaan, pelbagai aktiviti membabitkan penguasaan bahasa Inggeris turut diadakan antaranya debat, DJ Corner, mencari harta karun dan berpuisi.

Pengetua KTDI, Prof Madya Dr Azali Mohamed pula berharap prog-

ram itu berupaya meningkatkan keyakinan mahasiswa bertutur dan menulis dalam bahasa berkenaan.

"Selama ini, penggunaan bahasa Inggeris di kampus sudah diamalkan, cuma dalam program ini berharap lebih ramai mahasiswa lebih berminat menguasainya. Ia boleh menghasilkan graduan berkualiti," katanya.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UPM), Sahar Jaludin berkata, 'English zone' mampu

meningkatkan prestasi akademik selain memudahkan komunikasi dan memantapkan kepimpinan.

Menurutnya, mahasiswa kurang meminati dan mahir dengan bahasa itu perlu turut sama meningkatkan potensi diri.

"Ia langkah menyahut seruan universiti bagi menafikan persepsi negatif terhadap kegagalan graduan memperolehi pekerjaan disebabkan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah," katanya.